



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## KENYATAAN MEDIA

### **JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM) AMBIL TINDAKAN SUSULAN** **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2019**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2019 berhubung dengan kehilangan wang awam melibatkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang bernilai RM543,088.00. Susulan daripada laporan awal pihak Audit Negara, pihak JKM telah mengambil tindakan punitif terhadap pegawai-pegawai yang terlibat berdasarkan kepada Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Saya tidak akan berkompromi dengan sebarang salah laku melibatkan integriti pegawai-pegawai di Kementerian, Jabatan mahupun agensi memandangkan penjawat awam telah dilengkapi dengan pelbagai peraturan dan tatacara kewangan serta memiliki integriti yang tinggi.

Kementerian sentiasa memastikan agar usaha-usaha pencegahan melibatkan integriti pegawai-pegawai seperti memberikan latihan yang bersesuaian dan meningkatkan keberkesanan mekanisme sedia ada dan pemantauan secara berterusan.

**YB DATUK SERI RINA BINTI MOHD HARUN**

**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**PUTRAJAYA**

**26 OGOS 2020**